

Masidi mahu UMS komersilkan lebih banyak hasil penyelidikan universiti

OLEH MARRYAN RAZAN (marryan@newsabahtimes.com.my)

KOTA KINABALU: Menteri Pelancongan Kebudayaan dan Alam Sekitar, Datuk Masidi Manjun mahu Universiti Malaysia Sabah (UMS), mengkomersilkan lebih banyak hasil penyelidikan universiti itu untuk manfaat masyarakat.

Beliau yang juga Exco Pendidikan Negeri berkata ini penting bagi meningkatkan jmej dan kecemerlangan universiti itu sebagai peneraju penyelidikan terunggul di rantau ini.

"Banyak penyelidikan dan hasil penyelidikan yang dibuat oleh UMS tetapi tahap penggunaannya untuk tujuan komersil masih ditahap rendah."

"Perkara ini harus dipandang serius oleh semua pihak kerana kita mempunyai penyelidik dan ahli akademik yang bertaraf dunia dan banyak hasil penyelidikan UMS telah memenangi anugerah tetapi masih tidak begitu banyak diterjemahkan kepada bentuk hasilan produk," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar sebelum merasmikan majlis Malam Penghargaan Penyelidikan 2010 UMS, di Magellan Sutera Resort, di sini, pada malam Jumaat.

Turut hadir Naib Canselor UMS Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMS Prof Dr. Rosnah Ismail, pegawai-pegawai utama, dekan dan ketua jabatan serta warga penyelidik UMS.

Sehubungan itu Masidi berharap UMS dapat meningkatkan bekerjasama dengan pihak industri agar produk-produk penyelidikan yang mendapat pengiktirafan dikomersilkan melalui kerjasama pintar antara pihak industri dan universiti itu.

"Saya juga menyeru agar sektor swasta dapat diberi sumbangan dan terlibat secara aktif dalam bidang penyelidikan UMS secara sepenuh atau separuh masa untuk membantu mencapai matlamat itu, kerana kita mahu hasil penyelidikan dikomersilkan dan mempunyai pasaran."

"Kita tidak mahu banyak penyelidikan dilakukan tetapi tidak banyak yang dikomersilkan," katanya.

Masidi berkata, ini kerajaan kerajaan telah membelanjakan wang yang banyak untuk membiayai penyelidikan itu tidak termasuk kewangan yang dikeluarkan sendiri oleh seseorang penyelidik untuk membiayai penyelidikan mereka.

Beliau berharap kejayaan penye-

lidikan UMS bukan sahaja menjadi lambang kecemerlangan akademik seseorang pensyarah atau penyelidik tetapi juga satu sumbangan produk penyelidikan yang membawa manfaat apabila dikomersilkan.

Sementara itu ketika berucap Masidi berkata, penyelidikan dan inovasi telah dimartabatkan sebagai agenda nasional yang perlu merentasi segala aspek kehidupan masyarakat.

"Justeru itu, UMS perlu membuat perancangan dan tindakan termasuk dalam aspek pembudayaan, pembentukan ekosistem yang dapat melaksanakan penyelidikan dan inovasi yang komprehensif serta menyeluruh."

"Selain itu, UMS juga perlu mencari jalan untuk menarik tenaga penyelidik yang berkelayakan dan berkemahiran sama ada dari dalam atau luar negara," katanya.

Masidi yakin dengan segala kepakaran, komitmen dan kesungguhan penyelidik UMS, mereka dapat meneruskan dan mempergiatkan lagi budaya penyelidikan dan inovasi.

"Penerapan budaya penyelidikan dan inovasi dapat memangkin kepada penghasilan lebih banyak produk yang bermutu tinggi dan penerbitan yang berimpak tinggi," katanya.